



KEMBARA SEORANG PENYAIR

TEKS DAN FOTO: MUHAMMAD HAJI SALLEH

PERPUSTAKAAN DI EROPAH

Bangsa Melayu dan Indonesia sudah lama mengadakan hubungan perniagaan dan kebudayaan dengan banyak bangsa di dunia sejak sekurang-kurangnya 2000 tahun yang lalu. Untuk perhubungan yang baik, pengetahuan dan maklumat tentang budaya yang ingin kita kenali itu harus tepat. Dengan adanya maklumat ini, adat istiadat sesebuah kerajaan dan rakyatnya, cara berniaga, serta bahasa mereka dapat digunakan untuk melancarkannya lagi.

Pada zaman lisan, seperti sewaktu bangsa Mayan belayar ke Madagaskar, sekitar 1000 tahun yang lalu atau sewaktu Melaka baru didirikan, maklumat dari sumber lisan hilang bersama-sama ucapan atau tinggal sebahagian daripadanya dalam ingatan. Namun demikian, apabila aksara rencong, Jawa atau Jawi digunakan, maklumat ini dapat disimpan lama dan boleh diwarisi.

Budaya perpustakaan Melayu berkembang dengan Jawi. Buku rencong pasti disimpan di istana, tetapi kini tidak dapat dikesan.


Ada beberapa buku di Kerinci yang dijumpai di loteng rumah. Namun begitu, dengan buku beraksara Jawi, yang dalam urutan waktu usianya lebih muda, mula terkumpulah buku undang-undang, seperti *Hukum Kanun Melaka*, dan setelah itu, ilmu agama. Ilmu ini membesar kepada salasilah dan sejarah, dan seterusnya kepada adat istiadat dan kesusasteraan.

Penjajah dari Eropah faham bahawa untuk menguasai sesebuah negara atau bangsa, maklumat secukupnya tentang bangsa itu

harus dimiliki. Oleh hal yang demikian, dari kurun ke-18 lagi, bersama-sama pedagang Belanda dan British, datang juga ilmuwan sains hayat dan ahli linguistik. Mereka mencatatkan rupa muka bumi, pohon, dan logam yang ada padanya. Ahli bahasa, seperti Thomas Bowrey, menyusun kamus dan buku belajar bahasa. Ada beberapa orang ilmuwan juga melihat bangsa kita dari sudut antropologi.

Yang ingin saya tegaskan ialah bahawa ilmu sangat penting untuk mengenali bangsa lain, terutama sekiranya mereka ingin menjajahnya.

Belanda menggalakkan pengajian Indonesia dan Britain menghormati sarjana tentang bangsa di Asia dan Afrika yang akan atau sedang dijajah



Billik bacaan Laurentian Medici.

oleh mereka. Snouk Hugronje mengumpulkan maklumat tentang budaya dan agama orang Aceh secara amat teliti dan lengkap. Klinkert mengkaji bahasa Melayu dan sasteranya di Sumatera. Raffles menulis perihal alam di Malaysia, dan Winstedt, Wilkinson, serta Maxwell, dan sekurang-kurangnya 20 orang yang lain meneliti budaya orang Melayu.

Sewaktu mereka bekerja di negara yang dijajah ini, mereka cukup sedar tentang khazanah fikiran dan budaya mereka. Maka ratusan buku dalam bahasa Melayu, Jawa, Sunda, Makassar, dan Bali dikumpulkan, disalin atau dibeli. Kebanyakan daripada buku yang sangat berharga ini dikumpulkan dalam kurun ke-18, kurun ke-19 dan awal kurun ke-


dan Oxford, atau Asiatic Society, dan lain-lain. Oleh sebab itu, untuk mengkaji budaya pramoden Malaysia dan Indonesia, kita perlu ke Eropah kerana di sana terdapat khazanah pemikiran kita dalam bentuk asli atau salinan dengan jumlah yang banyaknya. Untuk meneruskan penjajahan, maka pusat kajian, seperti KITLV di Leiden dan SOAS di London, dibiayai supaya ilmu itu terus berkembang.

Sebelum tahun 2010, semasa dana untuk kajian yang luas dan mendalam masih ada, saya melibatkan diri dengan beberapa projek. Antaranya termasuklah "Imej Orang Melayu dalam Sastera Eropah" pada tahun 1977, "Puitika Sastera Melayu" (1985-2010), "Pantun Nusantara" (2005-2012), serta "Perkembangan Kritikan". Penyelidikan ini membawa saya ke kedua-dua buah negara tersebut dan juga beberapa buah negara lain.


Dalam siri kembara ini, saya menggalurkan perjalanan dan pengalaman ilmiah saya ke perpustakaan ini, bermula dengan perpustakaan di Scotland dan England.

Perpustakaan ialah tanda dan mercu ilmu sesebuah negara. Oleh sebab itu, perpustakaan menjadi antara bangunan yang paling indah dan besar di Eropah. Perpustakaan ialah pengenalan tamadun sesuatu bangsa yang dipamerkan secara tersergam untuk dilihat dan dikaji. Perpustakaan menjadi penyimpan khazanah pemikiran dan ilmu sesuatu bangsa.

Di Eropah yang kaya (juga melalui penjajahan), jelas terlihat semacam persaingan antara negaranya – dan setelah itu di Amerika Syarikat – untuk membina perpustakaan yang paling cantik,




Bilik bacaan utama perpustakaan Universiti Edinburgh.



20. Walaupun ada beberapa buah buku yang ditinggalkan di Jakarta atau di Singapura, kebanyakan yang dipunyai peribadi dibawa pulang – inilah satu daripada perjalanan yang akan dilalui oleh Flame, kapal Raffles yang terbakar, yang membawa ribuan buku dari Bangkok ke England yang dimiliki oleh Raffles.

Sebelum mereka meninggal dunia, mantan pegawai penjajah ini, isteri, atau keluarga mereka menyerahkan buku mereka kepada perpustakaan universiti di Leiden, Amsterdam, Den Haag, Cambridge,



Bilik bacaan Perpustakaan John Ryland, Universiti Manchester, antara yang paling indah di Britain.

lengkap dengan koleksinya, dan mencakup sebanyak mungkin bidang. Di Eropah, antara perpustakaan yang paling terkenal termasuklah Laurentian Medici di Florence, British Library di London, Bibliotheque Nasional di Paris, Staatsbibliothek di Berlin, serta perpustakaan KITL di Leiden.

Antara perpustakaan yang paling tua dan terkenal termasuklah Laurentian Medici. Usianya sekitar 400 tahun. Yang dicari oleh pengkaji zaman renaissance ialah 11 ribu manuskrip serta 4000 buku bercetak awal yang tersimpan di sini dan tidak dapat ditemukan di perpustakaan lain. Satu lagi khazanah yang dibanggakan oleh orang Itali ialah bahawa perpustakaan ini direka bentuk oleh Michelangelo, pelukis, pereka bentuk, dan pengarca yang sangat terkenal dalam dunia seni.

Kajian puatika membawa saya ke beberapa buah negara dan perpustakaanannya. Saya ke Indonesia, Sepanyol, Perancis, Itali, Belanda, Jerman, England dan Amerika Syarikat.

Di England dan Belanda, buku, manuskrip, dan bahan sastera

serta budaya Melayu terkumpul dalam jumlah yang besar. Di England, terdapat bahan ini di Edinburgh, Manchester, Oxford dan Cambridge. Di London, bahan ini dapat dirujuk di SOAS, Asiatic Society dan British Library.

Kita harus ke sana kerana yang pertamanya, banyak manuskrip telah diserahkan oleh pegawai British, yang menjadi pengumpulnya, kepada beberapa buah perpustakaan, seperti Oxford, Cambridge dan British Library.

Walaupun kita mungkin mempertikaikan hak milik bahan ini, terutama manuskripnya, atau ini hak peribadi yang diserahkan kepada perpustakaan ini. Maka kita tidak mungkin menuntunya untuk dikembalikan kerana sebahagian daripadanya disalin oleh jurutulis yang diupah, sebahagian lagi dihadiahkan oleh raja, bangsawan dan sebagainya. Sebahagiannya pula dibeli secara peribadi. Menurut Dr. Roger Tol, sekitar 10 peratus sahaja bahan yang dirompak atau diambil secara paksa atau tanpa bayaran. Itulah jalan sejarah kolonial dan budaya kita.

Dua puluh tahun yang lalu, saya sering membuat permohonan untuk membaca berbagai-bagai manuskrip di berbagai-bagai perpustakaan di Eropah. Walaupun kita dapat masuk ke perpustakaan ini secara percuma, untuk ke Eropah sudah menuntut biaya besar (sekarang dengan jatuhnya ringgit, maka biaya menjadi lebih besar). Alternatifnya ialah membeli atau memesan mikrofilem atau microfis, juga dengan harga yang agak besar.

Namun demikian, sejak sekitar tahun 2000, kita memasuki zaman perpustakaan maya atau dalam talian, dan banyak perpustakaan

menawarkan perkhidmatan dalam talian untuk manuskrip yang penting, yang sudah didigitalkan. Pengkaji boleh merujuknya di alam maya, malah memuat turun karya penting ini, tanpa ke London atau Leiden. Demikianlah saya boleh membaca tiga versi *Hikayat Hang Tuah* yang tersimpan di London atau merujuk sebuah naskhah *Sulalat al-Salatin* yang baru beberapa tahun ini dibeli oleh British Library.

Ribuan manuskrip yang lain juga ditawarkan di awang-awangan maya. Ratusan daripadanya sampai di bilik kerja kita di pejabat atau di rumah.

Perpustakaan yang menyimpan manuskrip Melayu di Britain ini berderetan dari Edinburgh di utara, lewat Manchester di barat, turun ke Cambridge dan Oxford. Di London, ada tiga buah tempat yang menyimpan manuskrip Melayu, iaitu British Library, SOAS Universiti London, dan Royal Asiatic Society, serta beberapa naskhah di Muzium British dan Arkib Kebangsaan di Kew.


Pada kali ini, saya ingin memperkenalkan tempat yang paling banyak menyimpan karya



Bahagian tengah dan ruang membaca dan merujuk manuskrip di British Library yang baharu.



Bilik bacaan Perpustakaan Bodleian, Universiti Oxford.



Bilik bacaan buku langka, Perpustakaan Universiti Cambridge

dalam bahasa Melayu – dalam huruf Jawi dan rumi di Britain – secara umum.

Kita bermula di utara, di ibu kota Scotland yang berbukit dan sejuk. Di perpustakaan Universiti Edinburgh, terdapat empat buah manuskrip Melayu. Yang paling menarik kepada saya ialah *Sejarah Melayu/Sulalat al-Salatin (Or 459)*. Tarikhnya tidak diterakan, tetapi diperolehi pada tahun 1925.

Universiti Oxford and Universiti Cambridge menyimpan manuskrip Melayu yang paling tua, yang akan kita bincangkan kemudian. Begitu pula British Library.

Dalam tulisan kali ini, yang dapat saya berikan ialah bayangan koleksi dan wajahnya hanya.

Beberapa tahun setelah itu, untuk membantu pengkaji dan perpustakaan luar negara, foto mikro dibuat untuk ratusan naskhah. Cara begini juga dapat mengelakkan karya ini disentuh oleh tangan yang mempunyai peluh dan asid. Kita juga boleh membeli atau memesan mikrofilem atau microfis.

Saya berterima kasih kerana sekitar 30 tahun yang lalu, sebuah *Hikayat Hang Tuah* terawal, 1762, yang tersimpan di Leiden telah dimikrofilemkan. Kini manuskrip asalnya sudah tidak dapat disentuh lagi. Syukurlah kita mempunyai salinan mikronya dan sebahagian besar daripadanya masih dapat dibaca. Mikrofilem dan microfis

berharga tinggi, tetapi tahan dimakan tahun dan dekad.

Sejak sekitar tahun 2000, ilmu kita memasuki zaman dalam talian dan banyak perpustakaan yang menawarkan perkhidmatan dalam talian untuk manuskrip yang penting yang sudah pun melalui proses pendigitalan. Apabila karya ini dimuat naik dan dipersembahkan sebagai karya dalam talian, pengkaji yang tidak terdaya untuk ke England masih boleh merujuknya di alam maya dan memuat turun karya penting ini tanpa ke London atau Manchester. Mereka juga tidak perlu ke Leiden, Paris atau St. Petersburg.

Ribuan manuskrip dunia juga ditawarkan di awang-awangan maya. Ratusan naskhah Melayu sudah pun berada di sana dan akan menjadi ribuan apabila Perpustakaan Negara, Universiti Malaya, Perpustakaan Nasional Indonesia, dan perpustakaan di Perancis menyelesaikan projek pendigitalan. Di Harvard, bahan tulis tangan sastera Melayu sudah dapat dibaca.

Oleh hal yang demikian, kita harus berterima kasih kepada ciptaan internet berserta ratusan pustakawan yang melibatkan diri selama bertahun-tahun untuk menyediakan bahan ini. Hanya saya takut hasrat untuk merujuk karya ini sudah mepi, sarjana dalam bidang ini pula sama merosot jumlahnya – sama merosot

seperti bidang sastera yang dipinggirkan oleh kerajaan yang tergoa oleh sains dan matematik.

Kini kutu buku ini menjadi spesies yang langka dan untuk suka merujuk manuskrip, seseorang itu harus menjadi kutu buku yang tegar dan tekun menjejarnya di dunia sepi cetakan senyap dan perpustakaan.

Saya berasa bahawa tidak teralua ganjil untuk merujuk buku tua yang tidak pun dibuka oleh pengkaji lain selama 50 tahun atau lebih. Namun demikian, di dunia ilmu yang lebih besar, dalam semua bidang, banyak orang mengemurni bilik bacaan manuskrip di Eropah atau di Amerika Syarikat. Yang datang biasanya yang tidak muda lagi dan agak serebeh, dan sebahagian daripada mereka terbang dari jauh untuk melakukan rujukan di sini. Ada semacam nikmat yang kita baca pada tunduk atau cakap sendirian mereka apabila cuba menyeber perkatahan purba atau yang tidak dieja dengan baikny, atau dakwatnya sudah mengging kertas sehingga tidak lagi jelas rupa perkataannya.

Adakah ini juga pelancongan? Saya rasa tidak – hanya nikmatnya sama mengghairahkan seperti pantai Blackpool, Wassenaar, atau tebing Sungai Seine. Meskipun begitu, ini pelancongan yang perlu untuk *nerd* dan kutu buku yang sudah digigit oleh kumbang kertas tua! 08